

**PERSEPSI GURU TERHADAP PENGGUNAAN JADUAL SPESIFIKASI
UJIAN (JSU) DALAM MEMBINA UJIAN BILIK DARJAH**

MOHD FAKHRUDZAFIE BIN MOHD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PERSEPSI GURU TERHADAP PENGGUNAAN JADUAL SPESIFIKASI UJIAN
(JSU) DALAM MEMBINA UJIAN BILIK DARJAH

MOHD FAKHRUDZAFIE BIN MOHD

Tesis ini disampaikan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengkukuran Dan Penilaian)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2010

DEDIKASI

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.
Segala pujian atas limpah dan kurnia Allah S.W.T Tuhan seluruh alam.
Selawat dan salam ke atas junjungan nabi Muhammad S.A.W.

Buat Bapa dan Ibu tercinta,
MOHD BIN SIDEK,
HABIBAH BINTI ABU BAKAR

Terima kasih di atas doa yang tidak pernah henti-henti semenjak anakanda dalam kandungan hinggalah ke saat ini. Terima kasih kerana sentiasa di sisi memberi harapan tatkala anakanda berduka, memberi senyuman tatkala anakanda bahagia .

Buat Abah daa Mama (Mertuaku),
MD SAAD BIN IBRAHIM,
SADIPAH BINTI SAAD,

Jutaan terima kasih atas sokongan mental dan fizikal sehingga anakanda mampu menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya anda semua tetap ibarat ibu bapa kandungku meskipun isteriku telah tiada lagi di dunia ini. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya.Amin.

Buat Semua Guru-Guru, Pensyarah dan Rakan-Rakan,
Segala didikan, nasihat dan teguran akan menjadi panduan dalam meneruskan kehidupan. Terima kasih di atas segala-galanya.
Semoga Allah memberi hidayah dan membuka pintu rahmatNya kepada anda semua.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, Segala Pujian bagi Tuhan sekalian alam. Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya berjaya jua saya menyiapkan Projek Sarjana Pendidikan (Pengkukuran dan Penilaian) ini.

Jutaan terima kasih khas buat DR. ZAINUDIN BIN ABU BAKAR selaku pensyarah penyelia di atas tunjuk ajar dan teguran yang diberikan selama ini. Terima kasih jua buat pensyarah-pensyarah yang memberikan panduan dalam menyiapkan projek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat guru-guru yang terlibat dalam kajian ini.

Tidak lupa buat keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan. Jasa kalian sentiasa dikenang selagi hayat dikandung badan.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi guru-guru terhadap penggunaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dalam membina ujian bilik darjah. Beberapa aspek menjadi fokus kajian iaitu pengetahuan guru-guru terhadap proses pembinaan ujian bilik darjah, tahap kemahiran pembinaan JSU di kalangan guru-guru dan kefahaman tentang kepentingan JSU dalam pembinaan ujian bilik darjah. 45 orang guru dari SK Taman Mutiara Rini telah terlibat dalam kajian ini. Soal selidik telah digunakan sebagai alat pengumpulan data. Data yang dikumpulkan telah dianalisis kepada bentuk kekerapan, peratusan dan nilai-nilai min menggunakan *Statistical Packages for Social Science (SPSS)*. Keputusan menunjukkan tahap pengetahuan guru-guru SK Taman Mutiara Rini terhadap proses pembinaan ujian bilik darjah bagi ketiga-tiga aspek; penentuan objektif ujian, perancangan ujian dan pentadbiran ujian berada pada tahap tinggi. Guru-guru didapati mempunyai tahap pengetahuan paling tinggi bagi aspek pentadbiran ujian dengan min 4.52. Bagi Tahap Kemahiran Guru Dalam Pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU), para guru didapati mempunyai kemahiran bagi Pengetahuan Dan Pengalaman Dalam Membina JSU berdasarkan min tertinggi 3.97. Seterusnya persepsi guru terhadap kepentingan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dalam Pembinaan Ujian Bilik Darjah menunjukkan kecenderungan tinggi bagi aspek Kepentingan JSU Dalam Membina Ujian Bilik Darjah dengan min 3.74. Hubungan di antara persepsi guru-guru terhadap kepentingan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dalam pembinaan ujian bilik darjah dengan pengalaman guru dalam pembinaan ujian bilik darjah adalah bersifat positif. Secara kesimpulannya, pengetahuan guru dalam pembinaan ujian dalam bilik darjah mempunyai nilai min yang paling tinggi. Beberapa cadangan juga telah dikemukakan dalam kajian ini.

ABSTRACT

The study was conducted to determine the teachers' perceptions towards the use of Test Specification Table (TST) in developing classroom tests. The study was focused on some constructs which were the teachers' knowledge on classroom test construction process, the level of skill in constructing the TST among the teachers and their understanding about the importance of TST in classroom test construction process. There were 45 teachers from SK Taman Mutiara Rini involved in this study. Questionnaires had been used as the instrument for data collecting. Data collected were analyzed for frequency, percentage and mean values using the Statistical Packages for Social Science (SPSS). Results showed that the level of the teachers's knowledge on classroom test construction process was high based on these three aspects: the determination of test objectives, test planning and test administration. The teachers were found to have highest level of knowledge on the administrative aspects of the test with a mean of 4.52. While, for Teachers' Skills Level in Construction of the TST, teachers were found to have the skills based on their knowledge and experience shown by the highest mean of 3.97. The teachers' perceptions towards the importance of TST in the Classroom Tests Construction showed a high tendency towards the aspects of the importance of TST in the Classroom Test Construction with highest mean of 3.74. There was a positive relationship between teachers' perception towards the importance of TST in the construction of a classroom test with their experiences in constructing classroom tests. In conclusion, the teachers's knowledge classroom test construction has the highest mean value. Some suggestions for improvement also proposed in this study.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	HALAMAN
	TAJUK TESIS	i
	DEKLARASI	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xv
1	PENDAHULUAN	1
1.1	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Batasan Kajian	10
	1.8 Definisi Istilah	11
	1.8.1 Ujian	11
	1.8.2 Bilik Darjah	12
	1.8.3 Guru	12
	1.8.4 Pengukuran	13
	1.8.5 Penilaian	13
	1.8.6 Perancangan	14

1.8.7	Kesahan	14
1.8.8	Kebolehpercayaan	15
1.8.9	Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)	15
1.8.10	Pengetahuan	16
1.9	Penutup	16
2	SOROTAN KAJIAN	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Ujian Bilik Darjah	17
2.3	Ujian Berbentuk Aneka Pilihan Sebagai Ujian Bilik Darjah	23
2.4	Ujian Berbentuk Jawapan Pendek Sebagai Ujian Bilik Darjah	26
2.5	Ujian Berbentuk Betul-Salah Sebagai Ujian Bilik Darjah	29
2.6	Ujian Berbentuk Padanan Sebagai Ujian Bilik Darjah	31
2.7	Ujian Berbentuk Subjektif Sebagai Ujian Bilik Darjah	32
2.8	Penentuan Objektif Ujian dan Taksonomi Bloom	34
2.9	Jadual Spesifikasi Ujian	37
2.10	Kaedah Pembinaan JSU Yang Baik	39
2.12	Penutup	41

3	METODOLOGI KAJIAN	42
3.1	Pengenalan	42
3.2	Rekabentuk Kajian	42
3.3	Lokasi Kajian	43
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	43
3.5	Instrumen Kajian	44
3.5.1	Bahagian A	45
3.5.2	Bahagian B	45
3.5.3	Bahagian C	46
3.5.4	Bahagian D	46
3.6	Kajian Rintis	48
3.7	Prosedur Kajian	48
3.8	Kaedah Analisis Data	49
3.9	Jangkamasa Kajian	51
3.10	Penutup	52
4	KEPUTUSAN KAJIAN	53
4.1	Pengenalan	53
4.2	Analisis Deskriptif Latarbelakang Responden	54
4.2.1	Jantina	54
4.2.2	Umur	54
4.2.3	Bangsa	55
4.2.4	Agama	56
4.2.5	Taraf Pendidikan	56
4.2.6	Tempoh Berkhidmat Sehingga Sekarang	57
4.2.7	Pengalaman Membina Ujian Bilik Darjah	58

4.2.8	Mata Pelajaran yang Diajar Di Sekolah	58
4.3	Analisis Deskriptif Persepsi Terhadap Penggunaan Jadwal Spesifikasi Ujian (JSU) Dalam Membina Ujian Bilik Darjah Di SK Taman Mutiara Rini, Skudai.	59
4.3.1	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pembinaan Ujian Bilik Darjah	59
4.3.1.1	Penentuan Objektif Ujian	59
4.3.1.2	Perancangan Ujian	61
4.3.1.3	Pentadbiran Ujian	62
4.3.2	Tahap Kemahiran Guru Dalam Pembinaan Jadwal Spesifikasi Ujian (JSU)	63
4.3.2.1	Pengetahuan Mengenai Taksonomi Bloom	63
4.3.2.2	Asas Pembinaan Dan Kandungan JSU	65
4.3.2.3	Pengetahuan Dan Pengalaman Dalam Membina JSU	66
4.3.3	Kefahaman Guru Terhadap Kepentingan Jadwal Spesifikasi Ujian (JSU) Dalam Pembinaan Ujian Bilik Darjah	68
4.3.3.1	Kepentingan JSU dalam Membina	68

Ujian Bilik Darjah

4.3.3.2	Kepentingan Pengetahuan Mengenai JSU	70
4.4	Analisis Deskriptif Tahap Persepsi Terhadap Penggunaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Dalam Membina Ujian Bilik Darjah Di SK Taman Mutiara Rini, Skudai.	71
4.4.1	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pembinaan Ujian Bilik Darjah	71
4.4.2	Tahap Kemahiran Guru Dalam Pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)	72
4.4.3	Kefahaman Guru Terhadap Kepentingan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dalam Pembinaan Ujian Bilik Darjah.	73
4.4.4	Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dalam Membina Ujian Bilik Darjah di SK Taman Mutiara Rini	73
4.5	Analisis Inferensi Hubungan Antara Persepsi Guru-guru Terhadap Kepentingan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Dalam Pembinaan Ujian Bilik Darjah Dengan Pengalaman Guru Dalam Pembinaan Ujian	75

Bilik Darjah	
4.5.1 Hubungan Persepsi Guru-Guru Terhadap Kepentingan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Dalam Pembinaan Ujian Bilik Darjah Dengan Pengalaman Guru Dalam Pembinaan Ujian Bilik Darjah	75
4.6 Penutup	76
5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN	77
5.1 Pengenalan	77
5.2 Perbincangan	78
5.2.1 Latar Belakang Responden	78
5.2.2 Tahap pengetahuan guru-guru SK Taman Mutiara Rini terhadap proses pembinaan ujian bilik darjah	80
5.2.3 Tahap kemahiran pembinaan JSU di kalangan guru-guru SK Taman Mutiara Rini	82
5.2.4 Tahap kefahaman guru-guru SK Taman Mutiara Rini terhadap kepentingan JSU dalam pembinaan ujian bilik darjah.	84
5.2.5 Persepsi terhadap penggunaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dalam membina ujian bilik darjah di SK Taman Mutiara Rini, Skudai	86

5.2.6	Hubungan persepsi guru-guru terhadap kepentingan JSU dalam pembinaan ujian bilik darjah dengan pengalaman guru dalam pembinaan ujian bilik darjah.	86
5.4	Cadangan Pengkaji	87
5.5	Cadangan Lanjutan	89
5.6	Penutup	90
	SUMBER RUJUKAN	91
	LAMPIRAN	95

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.1	Contoh Kata Kerja Mengikut Aras Taksonomi Bloom	36
2.2	Contoh Jadual Spesifikasi Ujian	38
3.1	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pembinaan Ujian Bilik Darjah	45
3.2	Tahap Kemahiran Guru Dalam Pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian	46
3.3	Kefahaman Guru Terhadap Kepentingan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dalam Pembinaan Ujian Bilik Darjah	47
3.4	Skala Likert Yang Digunakan	47
3.5	Perubahan Skala Lima Mata Kepada Skala Tiga Mata	50
3.6	Kriteria Menganalisis Data	51
3.7	Kriteria Penilaian Skor	51
4.1	Taburan Kekekapan dan Peratus Responden	54

	Mengikut Jantina	
4.2	Taburan Kekeperapan dan Peratus Responden Mengikut Umur	55
4.3	Taburan Kekeperapan dan Peratus Responden Mengikut Bangsa	55
4.4	Taburan Kekeperapan dan Peratus Responden Mengikut Agama	56
4.5	Taburan Kekeperapan dan Peratus Responden Mengikut Taraf Pendidikan	57
4.6	Taburan Kekeperapan dan Peratus Responden Mengikut Tempoh Berkhidmat Sehingga Sekarang	57
4.7	Taburan Kekeperapan dan Peratus Responden Mengikut Latar Pengalaman Membina Ujian Bilik Darjah	58
4.8	Taburan Kekeperapan dan Peratus Responden Mengikut Mata Pelajaran Yang Diajar Di Sekolah	59
4.9	Analisis Deskriptif Taburan Kekeperapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Mengikut Persepsi Terhadap Tahap Pengetahuan Guru-Guru Dalam Pembinaan Ujian Bilik Darjah Aspek Penentuan Objektif Ujian	60
4.10	Analisis Deskriptif Taburan Kekeperapan, Peratus, Min	61

	dan Sisihan Piawai Mengikut Persepsi Terhadap Tahap Pengetahuan Guru-Guru Dalam Pembinaan Ujian Bilik Darjah Aspek Perancangan Ujian	
4.11	Analisis Deskriptif Taburan Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Mengikut Persepsi Terhadap Tahap Pengetahuan Guru-Guru Dalam Pembinaan Ujian Bilik Darjah Aspek Pentadbiran Ujian	63
4.12	Analisis Deskriptif Taburan Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Mengikut Persepsi Terhadap Tahap Kemahiran Guru-Guru Dalam Pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)	64
4.13	Analisis Deskriptif Taburan Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Mengikut Persepsi Terhadap Tahap Kemahiran Guru-Guru Dalam Pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)	65
4.14	Analisis Deskriptif Taburan Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Mengikut Persepsi Terhadap Tahap Kemahiran Guru-Guru Dalam Pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)	67
4.15	Analisis Deskriptif Taburan Kekerapan, Peratus, Min	69

	dan Sisihan Piawai Mengikut Persepsi Terhadap Kefahaman Guru-Guru Terhadap Kepentingan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Dalam Pembinaan Ujian Bilik Darjah	
4.16	Analisis Deskriptif Taburan Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Mengikut Persepsi Terhadap Kefahaman Guru-Guru Terhadap Kepentingan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Dalam Pembinaan Ujian Bilik Darjah	71
4.17	Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pembinaan Ujian Bilik Darjah	72
4.18	Tahap Kemahiran Guru Dalam Pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)	72
4.19	Kefahaman Guru Terhadap Kepentingan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dalam Pembinaan Ujian Bilik Darjah	73
4.20	Tahap Persepsi Terhadap Terhadap Penggunaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Dalam Membina Ujian Bilik Darjah Di Sk Taman Mutiara Rini, Skudai	74
4.21	Analisis Korelasi Pearson Mengkaji Hubungan Di	76

Antara Persepsi Guru-Guru Terhadap Kepentingan
Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Dalam Pembinaan
Ujian Bilik Darjah Dengan Pengalaman Guru Dalam
Pembinaan Ujian Bilik Darjah

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Ujian merupakan alat pengukuran untuk mengukur sejauh mana kejayaan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru. Menurut Mohd Najib (1997), ujian merupakan alat pengukuran atau prosedur yang tersusun atau bersistematik dalam mengukur perubahan tingkah laku. Oleh kerana sifat ujian itu yang sistematik dan tersusun, maka proses pembinaan ujian juga hendaklah mengikut prosedur yang berperingkat dan sistematik. Cheang dan Hasny (1998) memperihalkan pembinaan ujian sebagai:

“Membina ujian sama seperti membina sebuah bangunan kerana keduanya merupakan satu proses untuk mengeluarkan satu hasilan. Proses itu dijalankan mengikut spesifikasinya supaya hasilannya, iaitu ujian, mencapai tujuan yang diharapkan.” (m.s 112)

Terdapat banyak bentuk ujian bilik darjah yang digunakan oleh guru sejak dahulu lagi dalam mengukur dan menilai hasil pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, ujian berbentuk ‘pensil-kertas’ adalah ujian tradisi yang sentiasa digunakan

untuk menilai kemajuan pelajar dalam bilik darjah (Mok Soon Sang, 2003). Pemilihan jenis-jenis item ujian oleh guru hendaklah menepati tujuan ujian, isi kemahiran dan tahap kognitif yang hendak diuji (Mohd Najib, 1997). Dua jenis item ujian yang digunakan secara lazim dalam ujian bilik darjah ialah item objektif dan item subjektif. Bentuk soalan objektif yang popular dalam kalangan guru ialah soalan bentuk mudah yang terdiri daripada item jawapan pendek, item benar-salah dan padanan, soalan penafsiran dan soalan aneka pilihan. Soalan objektif adalah amat sinonim dengan soalan berbentuk aneka pilihan di kalangan guru-guru (Mohamad Fauzi, 1996).

Walau apapun bentuk item yang dipilih oleh guru dalam ujian bilik darjah, selain daripada kepentingan ciri-ciri kesahan, kebolehpercayaan dan keobjektifan, proses perancangan dan pembinaan ujian mesti dititikberatkan oleh guru. Proses perancangan ujian yang baik akan memandu ke arah ujian yang tinggi ciri-ciri kesahan, kebolehpercayaan dan keobjektifannya. Hal ini dinyatakan oleh Mok Soon Sang (2003) sebagai:

“...Untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tepat serta memastikan ujian yang dilakukan mempunyai ciri-ciri kesahan dan kebolehpercayaan, serta dapat mencerminkan pencapaian pelajar dalam pembelajaran mereka, guru harus merancang ujian yang sesuai dan berguna.” (m.s 424)

1.2 Latar Belakang Masalah

Salah satu cara untuk merancang pembinaan ujian ialah melalui pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU). JSU atau juga dikenali sebagai ‘test blueprint’ adalah

langkah pertama dalam pembinaan ujian yang menentukan standard kandungan yang hendak diuji dan bilangan item untuk setiap standard tersebut (Szafranski dan Qing, 2009). Menurut Zimmaro (2004), JSU adalah satu matriks atau carta yang mewakili bilangan item yang hendak diuji mengikut setiap topik dan aras objektif. Pembinaan JSU dapat membantu guru mengenalpasti kemahiran atau objektif yang hendak diuji. Melalui JSU, guru atau pembina ujian akan dapat merancang topik atau kemahiran yang hendak diuji dalam item berdasarkan tahap kognitif yang dicadangkan dalam Taksonomi Bloom (Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2001). Tahap Kognitif Bloom yang digunakan dalam JSU ialah pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Namun begitu, Mohamad Fauzi (1996) berpendapat bahawa guru tidak semestinya menggunakan aras-aras kognitif Taksonomi Bloom semata-mata dalam JSU. Sebaliknya, guru boleh membina dan menyesuaikan item sendiri berdasarkan perkara yang ingin diuji.

Bagi memastikan ujian bilik darjah yang dibina oleh guru menepati tujuan sebenar ujian tersebut dan memenuhi ciri-ciri kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, maka prosedur pembinaan ujian hendaklah diikuti oleh guru. Masalah timbul apabila tidak ramai guru yang benar-benar mengamalkan prosedur pembinaan ujian bilik darjah yang sistematik dan betul. Mereka sebaliknya lebih senang ‘menceduk’ soalan-soalan dari buku teks, buku rujukan atau soalan-soalan ujian lepas tanpa memikirkan kesesuaian soalan terhadap penilaian pelajar (Mohd Najib, 1997).

Mohd Najib (1997) telah menggariskan lapan prosedur dalam merancang ujian bilik darjah yang baik. Urutan prosedur tersebut ialah seperti berikut:

- i. *Menentukan tujuan ujian* – Pada permulaan perancangan ujian, guru-guru hendaklah memastikan tujuan sebenar sesuatu ujian diadakan berdasarkan kepentingan ujian dan keperluan ujian tersebut dijalankan. Terdapat beberapa tujuan ujian yang perlu diperhatikan oleh guru samada ujian yang dibina bertujuan sebagai ujian

penempatan, diagnostik, sumatif dan lain-lain. Guru juga perlu menentukan dan seterusnya menulis objektif ujian dengan tepat mengikut Tahap Taksonomi Bloom yang bersesuaian.

- ii. *Membina blueprint atau spesifikasi ujian* – Pembinaan JSU adalah sangat penting untuk memastikan pembahagian item yang wajar berdasarkan kandungan dan objektif yang telah ditentukan dalam sesuatu ujian tersebut. Pembinaan JSU yang baik akan memandu guru dalam membina ujian yang baik dan menepati tujuan ujian tersebut.
- iii. *Memilih jenis soalan* – Guru perlu mengetahui aspek pemilihan jenis soalan untuk sesuatu ujian bilik darjah itu. Hal ini kerana, pemilihan jenis soalan hendaklah bergantung kepada tahap kemahiran yang hendak dinilai. Pemilihan soalan atau item yang tepat adalah penting kerana setiap jenis soalan ujian mengukur tahap kemahiran yang berbeza. Kepelbagaian jenis soalan dalam ujian membolehkan pelbagai jenis kemahiran diuji.
- iv. *Menyediakan soalan ujian* – Semasa menggubal atau menulis item ujian, guru hendaklah memastikan bahawa item adalah mudah difahami, ringkas dan tepat dari segi kandungan dan penggunaan bahasa. Selain itu, arahan dan format ujian juga hendaklah tepat dan jelas.
- v. *Mengumpulkan soalan* – Soalan- soalan yang telah digubal hendaklah dikumpul dan disusun secara sistematik. Susunan perlu mengikut jenis soalan dan sukatan kandungan.
- vi. *Mentadbirkan ujian* – Pentadbiran ujian perlu mengambil kira semua kriteria yang berkaitan dengan perjalanan ujian. Ini termasuklah tempat ujian, jenis kertas dan tulisan, masa dan suasana yang optimum untuk pelajar dan persediaan awal seperti susunan jadual ujian.

- vii. *Mentaksir ujian* – Dalam proses ini guru perlu menafsir soalan ujian dari segi kesukaran dan kebolehan mendiskriminasi item tersebut. Penafsiran juga bermaksud menafsir skor yang diperolehi oleh pengambil ujian iaitu pelajar. Semua proses penafsiran adalah secara saintifik dan matematik.

- viii. *Menggunakan keputusan* – Keputusan ujian adalah sangat berguna kepada guru sendiri, pelajar, ibu bapa dan orang ramai. Pencapaian keputusan dalam ujian akan menunjukkan keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Perancangan ujian adalah tidak semudah membina ujian. Ini telah menyebabkan guru-guru mengambil jalan mudah dengan membina ujian tanpa perancangan seperti yang digariskan oleh prosedur di atas.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1986) dalam kajian yang dilakukan oleh Siti Nurfariza (2008), menyatakan bahawa terdapat ramai guru yang kurang mengetahui tentang proses pembinaan ujian bilik darjah yang baik termasuklah mengenai kepentingan penggunaan JSU. Selain itu, terdapat juga segelintir guru yang mengetahui tentang prosedur pembinaan ujian tetapi dengan sengaja tidak mengikutinya dengan alasan kekangan masa dan menganggap ia adalah proses yang rumit

Kurangnya pengetahuan guru-guru terhadap penggunaan JSU dalam membina ujian bilik darjah dilihat amat ketara (Siti Nurfariza, 2008). Sebaliknya, guru-guru kini lebih senang meniru bulat-bulat soalan yang sedia ada di pasaran tanpa menyedari kesahan kandungan dan kebolehpercayaan terhadap penilaian bilik darjah (Abd. Rami Abdullah, 1991 dalam Siti Nurfariza, 2008).

Kajian yang dilakukan oleh Siti Nurfariza (2008) mengenai tahap pengetahuan guru-guru pelatih teknik dan kejuruteraan dalam membina item aneka pilihan mendapati bahawa pengetahuan guru-guru pelatih tersebut hanyalah di peringkat sederhana. Ini bermakna, walaupun guru-guru pelatih pernah didedahkan kepada konsep pengukuran dan penilaian semasa latihan keguruan, mereka masih kurang menguasai pengetahuan mengenai pembinaan item termasuklah penggunaan JSU. Hal ini juga berlaku kepada guru-guru yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah sekarang. Guru-guru yang kini semakin dibebani dengan tugas-tugas yang banyak, dilihat semakin mengabaikan perancangan penilaian bilik darjah (Mohd Najib, 1997).

Tujuan asas pengujian dan penilaian dalam bilik darjah adalah untuk memberi maklum balas kepada guru mengenai tahap penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap objektif dan isi kandungan yang telah diajar. Justeru, ujian yang paling relevan dengan tujuan ini adalah ujian bilik darjah binaan guru yang mengajar subjek tersebut (Axman, 1989). Oleh yang demikian, menurut Axman (1989), sekiranya sesuatu ujian bilik darjah itu dibina dengan sempurna dan berhati-hati akan menjadi sumber yang paling tepat untuk mengukur pengetahuan yang diperolehi oleh pelajar. Dalam kajian oleh Notar, Zuelke, Wilson dan Yunker (2004), mereka merumuskan bahawa terdapat perkaitan yang sangat rapat antara pembinaan ujian oleh guru dengan akauntabiliti guru itu sendiri bagi memastikan kesahan sesuatu ujian itu. Guru yang tidak mengikut prosedur sebenar pembinaan ujian tidak akan dapat menilai pencapaian pelajar dengan baik. Ooster (2003) dalam Notar et al. (2004) menyatakan bahawa ujian yang dibina tidak mengikut garis panduan yang sepatutnya akan merendahkan kesahan kandungan ujian tersebut setrusnya tidak sah dan tidak boleh digunapakai kerana kredibiliti sesuatu ujian adalah sangat bergantung kepada kesahan ujian tersebut berbanding faktor-faktor lain. Oleh itu, penggunaan JSU adalah sangat penting dalam pembinaan semua jenis ujian bilik darjah.

Pada dasarnya, semua guru yang berkhidmat di sekolah telah didedahkan dengan konsep pengukuran dan penilaian semasa mengikuti latihan perguruan di institusi pendidikan guru seperti maktab dan universiti (Siti Nurfariza, 2008). Namun begitu, proses merancang ujian bilik darjah dilihat masih kurang diamalkan oleh guru-guru di sekolah. Hal ini timbul disebabkan kurangnya pengetahuan guru-guru tersebut terhadap proses perancangan ujian yang baik termasuklah dalam penggunaan JSU sebagai perancangan utama ujian. Ini dibuktikan oleh kajian Siti Nurfariza (2008) yang mendapati tahap pengetahuan guru-guru pelatih di sebuah institusi terhadap perancangan dan pembinaan ujian bilik darjah adalah pada tahap sederhana sahaja walaupun mereka sedang mengikuti latihan keguruan.

Natijahnya, kekurangan pengetahuan terhadap proses pembinaan ujian juga boleh berlaku kepada guru-guru yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah. Tinjauan awal penyelidik melalui kerjasama Setiausaha Peperiksaan di SK Taman Mutiara Rini mendapati bahawa hampir semua guru yang membina ujian bilik darjah tidak pernah menggunakan JSU sebagai langkah utama pembinaan ujian. Penyelidik mendapati bahawa tiada sebarang rekod yang menyatakan bahawa guru-guru yang membina ujian bilik darjah sendiri menggunakan JSU sebagai perancangan ujian. Bagi ujian atau peperiksaan setara, guru-guru dibekalkan dengan JSU yang telah siap dibina oleh Jabatan Pelajaran Johor.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan bagi mengetahui persepsi guru-guru terhadap penggunaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dalam membina ujian bilik darjah. Beberapa perkara menjadi fokus kajian iaitu tahap pengetahuan guru-guru terhadap proses pembinaan

ujian, tahap kemahiran pembinaan JSU dan tahap kefahaman guru-guru terhadap kepentingan JSU dalam pembinaan ujian.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk :-

- i. Mengetahui tahap pengetahuan guru-guru SK Taman Mutiara Rini terhadap proses pembinaan ujian bilik darjah.
- ii. Mengetahui tahap kemahiran pembinaan JSU di kalangan guru-guru SK Taman Mutiara Rini.
- iii. Mengetahui tahap kefahaman guru-guru SK Taman Mutiara Rini terhadap kepentingan JSU dalam pembinaan ujian bilik darjah.
- iv. Menentukan samada wujud hubungan antara persepsi guru dengan pengalaman guru dalam pembinaan ujian bilik darjah.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif, diharapkan kajian ini dapat menjawab beberapa persoalan berikut :-

- i. Apakah tahap pengetahuan guru-guru SK Taman Mutiara Rini terhadap proses pembinaan ujian bilik darjah?
- ii. Apakah tahap kemahiran guru-guru SK Taman Mutiara Rini dalam pembinaan JSU?
- iii. Apakah tahap kefahaman guru-guru SK Taman Mutiara Rini terhadap kepentingan JSU dalam pembinaan ujian bilik darjah?
- iv. Apakah terdapat hubungan antara persepsi guru terhadap kepentingan JSU dengan pengalaman guru dalam pembinaan ujian bilik darjah?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan jawapan kepada persoalan kajian berkenaan dengan tepat. Khususnya dalam konteks SK Taman Mutiara Rini, dapatan kajian dapat dijadikan garis panduan yang berguna kepada:-

- i. Guru agar mereka dapat memantapkan lagi kaedah pengukuran dan penilaian mereka dalam bilik darjah supaya lebih sistematis dan bermakna dalam mengukur hasil pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Pelajar agar mereka sedar kepentingan ujian bilik darjah dalam menilai setiap hasil pembelajaran yang harus mereka kuasai.

- iii. Sekolah agar pihak pentadbir atau pengelola sentiasa memantapkan pengetahuan guru-guru dalam pembinaan ujian bilik darjah melalui program dalaman yang berkaitan.
- iv. Setiausaha peperiksaan sekolah agar dapat menyediakan garis panduan yang lengkap kepada guru-guru mengenai kepentingan JSU dalam perancangan ujian bilik darjah.

1.7 Batasan Kajian

Melalui kajian ini, penyelidik ingin mengetahui tahap pengetahuan guru-guru terhadap penggunaan JSU dalam membina ujian bilik darjah di SK Taman Mutiara Rini sahaja. Responden yang terlibat hanyalah terdiri daripada 45 orang guru yang berkhidmat di sekolah tersebut sahaja.

Segala dapatan adalah bergantung kepada maklumat yang diperolehi melalui soal selidik bertulis. Segala keputusan dan hasil kajian ini tidak dapat memberi generalisasi kepada sekolah-sekolah rendah lain di tempat-tempat yang lain kerana maklumat ini hanya terbatas kepada responden yang mengajar di SK Taman Mutiara Rini sahaja

1.8 Definisi Istilah

Senarai yang berikut menunjukkan definisi yang kerap digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Walaupun terdapat perbezaan dalam beberapa interpretasi istilah, definisi istilah yang dinyatakan di bawah adalah yang digunakan untuk kajian ini.

1.8.1 Ujian

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), ujian bermaksud pemeriksaan untuk mengetahui kebijaksanaan atau kecerdikan seseorang. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai peperiksaan yang terdiri daripada bentuk lisan dan bertulis.

Kamus Ensiklopedia Jilid 2 (1997) pula mendefinisikan ujian sebagai percubaan atau pemeriksaan untuk mengetahui tahap kebijaksanaan seseorang melalui peperiksaan.

Mohd Najib (1997) pula secara operasionalnya mentakrifkan ujian sebagai alat atau prosedur bersistematik untuk mengukur perubahan tingkah laku dan prestasi pelajar dalam sesuatu bidang. Ujian mengukur sejauhmana pencapaian pelajar dalam satu set kemahiran atau kriteria yang dikehendaki.

Dalam kajian ini, ujian yang dimaksudkan ialah ujian bilik darjah yang dibina oleh sendiri oleh guru dalam menilai pencapaian pelajar

1.8.2 Bilik Darjah

Bilik darjah atau kelas menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) sebagai tempat belajar atau tempat perkumpulan untuk mempelajari sesuatu.

Dalam kajian ini ujian bilik darjah adalah adalah ujian yang dilaksanakan untuk melihat prestasi murid dalam bilik darjah sahaja iaitu tempat berlakunya aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Mohd Najib, 1997). Ujian bilik darjah adalah ujian yang dibina sendiri oleh guru.

1.8.3 Guru

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) memberi maksud guru sebagai orang yang mengajar, pendidik, pengajar atau pengasuh. Keguruan pula bermaksud hal yang berkaitan dengan ilmu, tugas dan tanggungjawab untuk membina kerjaya sebagai guru.

Guru dalam konteks kajian ini ialah guru yang mengajar di SK Taman Mutiara Rini yang merupakan pembina ujian bilik darjah. Latihan keguruan pula adalah semua aspek ilmu untuk menjadi guru yang dipelajari semasa di institusi perguruan termasuklan konsep pengukuran dan penilaian.

1.8.4 Pengukuran

Pengukuran menurut takrifan oleh Mohd Najib (1997) ialah proses mendapatkan maklumat berangka mengenai sebanyak mana kejayaan pelajar dalam sesuatu kemahiran. Pengukuran akan menghasilkan data berangka dalam bentuk markah.

Kamus Ensiklopedia Jilid 2 (1997) pula mendefinisikan pengukuran sebagai kerja-kerja yang berkaitan dengan mengukur dan menyukat. Oleh itu, dalam kajian ini alat pengukuran pencapaian pelajar yang digunakan oleh guru ialah ujian bilik darjah yang dibina oleh guru itu sendiri

1.8.5 Penilaian

Penilaian menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) adalah menentukan nilai atau melakukan pentaksiran.

Mohd Najib (1997) pula mentakrifkan penilaian dalam konteks pengukuran dan penilaian bermaksud proses sistematik yang memerlukan pengumpulan, analisis dan interpretasi maklumat mengenai sebaik mana pencapaian murid dalam proses pembelajaran.

1.8.6 Perancangan

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mentakrifkan bahawa perancangan ialah berasal daripada kata ‘rancang’ yang bermaksud diatur, difikir masak-masak dan direncanakan. Proses perancangan ialah proses merancang dan mengatur terlebih dahulu sesuatu sebelum melaksanakannya.

Dalam konteks kajian ini, perancangan ujian ialah proses sistematik yang perlu diikuti oleh guru dalam pembinaan ujian.

1.8.7 Kesahan

Menurut Ee Ah Meng (1994), kesahan merujuk kepada takat sesuatu ujian dapat memenuhi tujuannya. Mok Soon Sang (2003) pula mendefinisikan kesahan sebagai darjah sesuatu ujian ini mengukur perkara yang sepatutnya diuji.

Butler dan McMunn (2006) pula menyatakan bahawa sesuatu ujian itu mempunyai ciri kesahan jika ia mengukur perkara yang sepatutnya diukur dan bukannya perkara lain yang tidak berkaitan.

1.8.8 Kebolehpercayaan

Mok Soon Sang (2003) mendefinisikan kebolehpercayaan sebagai:-

“...ciri kebolehpercayaan sesuatu ujian merujuk kepada pencapaian calon adalah tekal apabila dia mengambil ujian itu beberapa kali dalam satu jangka masa, misalnya beberapa hari atau seminggu.” (m.s 420)

Ini bermaksud sesuatu ujian yang mempunyai kebolehpercayaan adalah ujian yang dapat memberi pencapaian pelajar yang konsisten setiap kali ujian itu diambil dalam satu selang masa.

1.8.9 Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)

Menurut Kamus Ensiklopedia Jilid 2 (1997), spesifikasi bermaksud butir-butir terperinci yang dinyatakan untuk sesuatu perkara atau perincian mengenai sesuatu perkara.

Menurut Mohd Najib (1997) pula, Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) juga disebut Jadual Penentuan Ujian (ISU) adalah jadual yang mengandungi jumlah soalan atau item untuk setiap isi kandungan, tahap kemahiran dan jenis-jenis soalan.

Menurut Zimmario (2004), JSU adalah satu matriks atau carta yang mewakili bilangan item yang hendak diuji mengikut setiap topik dan aras objektif.

1.8.10 Pengetahuan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), pengetahuan bermaksud perihal mengetahui tentang sesuatu perkara. Pengetahuan juga adalah sesuatu yang diketahui dan dipelajari.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini penyelidik ingin mengetahui tahap pengetahuan guru-guru dalam membina ujian bilik darjah termasuklah pengetahuan dalam pembinaan JSU.

1.9 Penutup

Dalam bab 1 ini, penyelidik telah membincangkan tentang kepentingan perancangan dalam membina ujian bilik darjah iaitu terutamanya penggunaan JSU sebagai perancangan utama ujian bilik darjah. Permasalahan berkaitan tahap pengetahuan guru-guru dalam penggunaan JSU dalam merancang ujian bilik darjah juga dinyatakan dalam bab ini. Oleh itu, penyelidik telah menentukan objektif kajian bagi mengetahui tahap pengetahuan guru dalam membina ujian bilik darjah, pembinaan JSU dan persepsi mereka terhadap penggunaan JSU dalam perancangan ujian.